



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM  
NEGERI & HAL EHWAL PENGGUNA



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA  
(Agensi di bawah KPDNHEP)

## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN CHONG CHIENG JEN**

**TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM  
NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

*MEWAKILI*

**YB DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

**MENTERI KPDNHEP**

DI

**PELANCARAN MALAYSIAN BUSINESS REPORTING  
SYSTEM (MBRS)**

PADA

**27 SEPTEMBER 2018**

TEMPAT

**AUDITORIUM TUN DR SITI HASMAH,  
TINGKAT 10, MENARA SSM@SENTRAL**

***Terima kasih Pengacara Majlis,***

***Salam Sejahtera,***

## **Salutasi**

- 1.** Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan Salam daripada Yang Berhormat Menteri Dato' Saifuddin Nasution Ismail. Beliau tidak dapat hadir bersama-sama kita pada hari ini kerana kekangan tugas dan tanggungjawab lain yang tidak dapat dielakkan. Justeru, saya telah diamanatkan untuk mewakili beliau bagi merasmikan majlis pada hari ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang hadir pada hari ini.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada SSM kerana berjaya membangunkan sebuah sistem bertaraf "*world class*" bagi tujuan memudahkan urusan berkaitan syarikat di negara ini.

***Hadirin yang dihormati sekalian,***

3. Sistem yang dibangunkan ini dikenali sebagai ***Malaysian Business Reporting System*** atau **singkatannya (MBRS)** merupakan sebuah platform serah simpan berdasarkan format *eXtensible Business Reporting Language* (XBRL).

- 4.** MBRS telah mula dibangunkan pada awal tahun 2017 dan SSM telah mengadakan latihan kepada pelbagai pihak terutamanya setiausaha - setiausaha syarikat, untuk memberi pendedahan awal serta pengetahuan yang mencukupi untuk menggunakan sistem tersebut sebelum dilancarkan.
  
- 5.** Saya juga telah difahamkan setakat ini SSM, melalui Companies Commission of Malaysia Training Academy & Knowledge Academy (COMTRAC), telah mengadakan sebanyak 80 latihan kepada lebih kurang 4,000 setiausaha syarikat di seluruh negara dan banyak lagi latihan MBRS akan diadakan pada masa-masa yang akan datang.

## ***Hadirin yang dihormati sekalian,***

- 6.** Bagi memastikan lebih ramai pihak berkepentingan mendapat latihan dalam masa yang singkat, COMTRAC telah mewujudkan kolaborasi strategik bersama – sama *professional bodies* yang diiktiraf oleh SSM seperti Malaysian Institute of Accountants (MIA), Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA), Malaysian Association of Company Secretaries (MACS) dan Institute of Approved Company Secretaries (IACS) serta penyedia perkhidmatan latihan MBRS seperti Baker Tilly MH Consulting, KPMG

Management and Risk Consulting, Big Dataworks, Ernst & Young Tax Consultants dan Formis Network Services.

**7.** Untuk makluman hadirin, MBRS membolehkan serah simpan khusus bagi pelaporan tahunan tiga perkara iaitu:-

- Penyata Kewangan dan Laporan (PK);
- Penyata Tahunan (PT); dan
- Permohonan Pengecualian berkaitan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan.

**8.** MBRS amat penting bagi SSM kerana ianya seiring dengan perubahan bentuk pelaporan kewangan yang

berlaku di seluruh dunia yang mengikut format *eXtensible Business Reporting Language* (XBRL) yang telah digunakan lebih daripada 100 buah badan pengawal selia, di lebih 60 buah negara seluruh dunia dan negara jiran yang paling hampir dengan kita yang telah melaksanakan XBRL adalah Singapura.

***Hadirin yang dihormati sekalian,***

9. Kewujudan teknologi dalam era digital akan memudahkan segala urusan perniagaan. Sebagai contoh, kalau dulu orang yang berniaga, terpaksa menunggu pelanggan datang ke kedai untuk membeli barangan yang dijual, tetapi kini sesiapa sahaja boleh jadi

peniaga walaupun tidak mempunyai kedai dan hanya bergantung kepada platform *online* semata-mata dan cara pembayaran juga boleh dibuat melalui online tanpa melibatkan penggunaan wang secara fizikal.

**10.** Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia terhadap penggunaan Internet, peratus penggunaan Internet oleh pengguna di Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas telah meningkat daripada 71.1 peratus kepada 80.1 pada tahun 2017. Melalui data ini juga menunjukkan bahawa teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sedang mengalami pertumbuhan



yang agak pesat di Malaysia. Melalui perkembangan dan pemesatan Internet serta jalur lebar di Malaysia, serta galakan sektor awam, Malaysia mempunyai kadar penggunaan eCommerce yang tinggi. Malaysia mempunyai 15.3 juta pembeli dalam talian (50 peratus daripada populasi) dan 62 peratus pengguna mudah alih untuk membeli-belah dalam talian.

***Hadirin yang dihormati sekalian,***

**11.** Begitu jua keadaannya di SSM, jika dahulu segala proses dokumentasi untuk pendaftaran perniagaan atau syarikat perlu dilakukan secara manual dan urusan hanya boleh dilakukan di

kaunter SSM sahaja. Tetapi kini segalanya di hujung jari dan boleh dilakukan di mana-mana sahaja pada setiap masa. Pengaplikasian teknologi digital ini bukan sekadar memudahkan urusan, tetapi turut menjimatkan masa, tenaga, dan wang.

**12.** Dengan adanya MBRS, lebih 600,000 syarikat boleh menyerahkan simpan Penyata Tahunan, Penyata Kewangan dan Permohonan Pengecualian berkaitan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan kepada SSM secara atas talian tanpa perlu bersusah payah melalui proses *conventional*.

## ***Hadirin yang dihormati sekalian,***

**13.** Pada Januari 2018, SSM telah menyediakan *MBRS Preparation Tool* (mTool) secara percuma bagi membolehkan syarikat menyediakan pelaporan tahunan di atas talian. Pihak berkepentingan berpeluang menguji fungsi dan keupayaan mTool yang telahpun dibangunkan oleh SSM. Di samping itu, SSM juga terus memastikan pihak berkepentingan mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk menghadiri program latihan MBRS yang dianjurkan oleh SSM.

**14.** Berdasarkan kepada maklum balas daripada syarikat, SSM mendapati

bahawa satu langkah yang proaktif perlu dilakukan dengan melibatkan pihak pengendali pembangunan perisian perakaunan di Malaysia untuk bersama-sama menjayakan usaha ini.

**15.** Sehubungan dengan itu, SSM telah mengadakan pertemuan dengan pengendali pembangunan perisian perakaunan (*accounting software developer*) bagi memberi penerangan berkaitan *SSM Taxonomy Architecture* untuk menyediakan sokongan rantai perakaunan bermula dari peringkat paling awal iaitu kemasukan data perakaunan sehingga kepada laporan akhir kewangan untuk diserahkan kepada SSM, melalui MBRS.

- 16.** SSM telah memilih seramai 44 setiausaha syarikat dari seluruh Malaysia untuk menjadi syarikat perintis atau *pilot company* bagi menguji keberkesanan dan kestabilan MBRS. Sejak ianya dilaksanakan, sebanyak 183 Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan telah berjaya diserahkan menggunakan MBRS.
- 17.** Dengan pelaksanaan penuh ini, MBRS dijangka dapat memberi manfaat dengan mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian awam dan seterusnya mengurangkan kos perniagaan bagi syarikat. Ia juga dapat mempercepatkan pengemaskinian maklumat, pertukaran

data, penguatkuasaan serta penyaluran maklumat kepada pihak berkepentingan.

**18.** Pelaksanaan MBRS secara mandatori akan dijalankan dalam dua fasa. Bagi fasa pertama, MBRS akan diwajibkan untuk kawasan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja bermula bulan November tahun ini. Bagi fasa kedua pula, MBRS akan diwajibkan di negeri-negeri lain mengikut zon pada bulan-bulan seterusnya.

**19.** Dengan ini, saya berharap MBRS akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian dan saya memohon agar MBRS disambut baik

tuan-tuan dan puan-puan untuk kepentingan bersama.

Akhir kata saya dengan ini merasmikan *Malaysian Business Reporting System* (MBRS).

Sekian,